



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 28/2012 (8 hingga 14 Julai 2012)

Situasi Demam Denggi di seluruh negara pada tahun ini iaitu dari Januari hingga 14 Julai 2012, sebanyak 12, 518 kes yang dilaporkan, meningkat sebanyak 13% atau 1, 394 kes berbanding 11, 124 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011 (Lampiran A). Manakala jumlah kematian akibat Denggi bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 25 kematian, meningkat sebanyak 6 kes berbanding tahun 2011.

Pada minggu ke-28 tahun 2012, iaitu dari 8 hingga 14 Julai sejumlah 360 kes Demam Denggi dan tiada kematian dilaporkan. Sebanyak lapan (8) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu di Sabah meningkat sebanyak 7 kes (117%), Johor 7 kes (29%), Melaka 4 kes (80%), Pulau Pinang 3 kes (19%), Kedah 3 kes (18%), Negeri Sembilan 2 kes (20%), Sarawak 2 kes (13%) dan 1 kes di Kelantan (11%).

Pada minggu lepas, sejumlah 61 lokaliti mengalami wabak di seluruh negara melibatkan 22 daerah dipantau oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Walau bagaimana pun, bagi

aktiviti gotong-royong untuk tempoh itu, hanya 30 aktiviti (49%) daripada 61 aktiviti yang disasarkan di seluruh negara dilaksanakan.

Jangkitan Demam Denggi akan terus berlaku selagi masih ada tempat-tempat pembiakan Aedes di sekitar kediaman kita. Daripada pemantauan pihak KKM, masih terdapat banyak premis kediaman yang membiarkan kediaman mereka menjadi tempat pembiakan Aedes. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2012, sebanyak 19,721 daripada 1,782,594 buah rumah yang diperiksa mempunyai pembiakan Aedes, dengan Kadar Pembiakan Aedes (Aedes Index) sebanyak 1.14%. Aedes Index melebihi 1% menunjukkan Pembiakan Aedes yang tinggi. Ini menunjukkan masyarakat setempat masih lagi kurang prihatin dalam mencegah denggi di kawasan masing-masing.

Pemantauan Kementerian Kesihatan bagi tempoh Januari hingga Jun 2012 melalui pemeriksaan pembiakan Aedes di sekolah-sekolah iaitu bagi negeri Selangor, sebanyak 137 pembiakan Aedes ditemui daripada 864 pemeriksaan yang dijalankan dengan Kadar Pembiakan Aedes sebanyak 15.86%. Untuk WP Kuala Lumpur & Putrajaya, sebanyak 116 pembiakan Aedes ditemui daripada 558 pemeriksaan yang dijalankan dengan Kadar Pembiakan Aedes sebanyak 20.79%. Negeri Johor pula, sebanyak 82 pembiakan Aedes ditemui daripada 1,704 pemeriksaan yang dijalankan dengan Kadar Pembiakan Aedes sebanyak 4.81%. Manakala Pulau Pinang, sebanyak 88 pembiakan Aedes ditemui daripada 1006 pemeriksaan yang dijalankan dengan Kadar Pembiakan Aedes sebanyak 8.75%. Penubuhan pasukan Anti-Aedes Renger Ridsect oleh Syarikat SC Johnson & Son di sekolah-sekolah bagi negeri-negeri ini memberi impak yang positif dan merupakan khidmat murni syarikat swasta

terhadap kesihatan masyarakat disamping membantu Kementerian Kesihatan memerangi Denggi. Usaha ini dialu-alukan oleh Kementerian Kesihatan diharapkan lebih banyak syarikat swasta mencontohi langkah yang diambil oleh Syarikat SC Johnson & Son.

Pihak KKM juga ingin menyeru kepada semua masyarakat agar sentiasa peka dan berkerjasama dalam mencegah jangkitan Demam Denggi. Hanya luangkan masa 10 minit seminggu, cari dan musnahkan semua tempat pembiakan Aedes samada di dalam dan juga dip persekitaran luar kediaman masing-masing. Selain itu, sama-samalah mengingatkan kawan-kawan dan jiran-jiran untuk melakukan perkara yang sama. Dengan kerjasama yang menyeluruh ini akan mewujudkan suatu komuniti yang bebas Aedes.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

16 Julai 2012

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 28/2012
(8 hingga 14 Julai 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 28/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 28/2011
		Minggu 28 (8 – 14 Julai 2012)	Minggu 27 (1 – 7 Julai 2012)		
1	Perlis	2	4	110	43
2	Kedah	20	17	461 (3)	260
3	P. Pinang	19	16	474 (1)	1,063 (2)
4	Perak	29	36 (1)	871 (3)	704 (2)
5	Selangor	136	155	5,713 (11)	4,276 (5)
6	WPKL & Putrajaya	27	30	1,186 (3)	1,016 (1)
7	N. Sembilan	12	10	241 (1)	431
8	Melaka	9	5	312	243
9	Johor	31	24	901 (1)	970 (5)
10	Pahang	11	12	382 (1)	527 (1)
11	Terengganu	13	15	431	393 (1)
12	Kelantan	21	19	641	368 (1)
13	Sarawak	17	15	527	567
14	Sabah	13	6	260 (1)	257 (1)
15	WP Labuan	0	0	8	6
	MALAYSIA	360	364 (1)	12,518 (25)	11,124 (19)

Nota: () Kematian